TAN KOK LEONG lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
KAMARDIN HASHIM HMR
YAACOB MD SAM HMR
MOHAMAD ZABIDIN DIAH HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: C-05(M)-535-11-2017
& C-05-(M)-536-11-2017]
21 SEPTEMBER 2020

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pengedaran dadah – Bangkitan dan penggunaan anggapan berganda bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 – Tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman mati – Sama ada penggunaan anggapan berganda sah di sisi undang-undang dan dibenarkan – Sama ada ultra vires Perlembagaan Persekutuan – Sama ada penggunaan anggapan berganda memprejudis tertuduh-tertuduh – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

KETERANGAN: *Saksi – Kegagalan memanggil saksi material – Pengedaran dadah – Naratif pembelaan memperihalkan kewujudan dan keterlibatan pihak lain – Pihak pendakwaan tidak memanggil pihak-pihak yang dinamakan dalam naratif sebagai saksi – Sama ada saksi material – Sama ada kegagalan memanggil saksi memprejudis tertuduh-tertuduh – Sama ada menjejaskan kes pendakwaan – Sama ada anggapan bertentangan wajar dibangkitkan – Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

Bertindak atas maklumat bahawa akan berlaku satu aktiviti pengedaran dadah, sepasukan polis bergegas ke lokasi yang disyaki untuk menjalankan pemerhatian. Perayu pertama dilihat keluar dari sebuah kereta sambil membimbit sebuah beg ('P10') lalu menyeberang jalan dan menyerahkan P10 kepada perayu kedua. Usai pertukaran P10, pihak polis terus bertindak menangkap kedua-dua perayu. Turut tertangkap tidak jauh dari tempat kedua-dua perayu ditangkap adalah dua orang lagi, yang dikenali sebagai Suresh dan Tan. P10 yang dirampas didapati mengandungi dua beg berisi bungkusan ketulan putih yang kemudian disahkan oleh ahli kimia sebagai 150.24g heroin dan monoaceytlmorphines. Perayu-perayu dituduh di Mahkamah Tinggi bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan. Pada penutup kes pendakwaan, hakim bicara (i) mendapati kedua-dua perayu mempunyai kawalan dan jagaan atas P10; (ii) mengguna pakai anggapan bawah s. 37(d) ADB dalam memutuskan kedua-dua perayu memiliki dadah; dan (iii) oleh kerana berat dadah yang dirampas melebihi 15g, mengguna pakai anggapan bawah s. 37(da) ADB dalam mendapati kedua-dua perayu mengedar dadah tersebut dan memerintahkan kedua-dua perayu membela diri atas pertuduhan. Dalam pembelaan mereka, perayu-perayu menyatakan bahawa: (i) Suresh meminta perayu pertama ke lokasi kejadian untuk bertemu dengan perayu kedua; dan (ii) setibanya di sana, perayu pertama turun dari kereta,

membuka bonet kereta dan mengambil P10 lalu melintas jalan dan menyerahkannya kepada perayu kedua. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara memutuskan pembelaan perayu-perayu adalah satu fikiran kemudian dan penafian semata-mata dan gagal mematahkan anggapan milikan bawah s. 37(d) ADB dan anggapan pengedaran bawah s. 37(da) ADB. Perayu-perayu masing-masing dijatuhkan hukuman mati. Maka timbul rayuan ini. Menyokong rayuan mereka, perayu-perayu menghujahkan (i) sabitan dan hukuman terhadap mereka tidak selamat kerana penggunaan anggapan berganda bawah s. 37A ADB adalah salah di sisi undang-undang dan *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan ('PP'); (ii) hakim bicara terkhilaf apabila mendapati Suresh dan Tan adalah saksi tidak penting tanpa memberi pertimbangan bahawa mereka menaiki satu kereta bersama-sama perayu-perayu. Kegagalan ini membangkitkan anggapan bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950; dan (iii) hakim bicara terkhilaf apabila gagal menilai bahawa perilaku perayu kedua telah mematahkan anggapan pengetahuan dan gagal menilai bahawa perayu pertama seorang pembawa sementara dan menerima permintaan Suresh untuk menyerahkan P10 kepada perayu kedua.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman atas kedua-dua perayu)

Oleh Mohamad Zabidin Diah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hakim bicara jelas terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan atas anggapan dalam memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie*, mendapati kedua-dua perayu bersalah dan mensabitkan kedua-duanya dengan pertuduhan mengedar. Mahkamah Persekutuan, dalam kes *Alma Nudo Atenza v. PP*, telah memutuskan pemakaian anggapan berganda, seperti dibenarkan bawah s. 37A ADB, adalah salah di sisi undang-undang dan *ultra vires* PP. Walaupun kekhilafan ini tidak secara automatik melayakkan kedua-dua perayu dilepaskan daripada pertuduhan, salah arah oleh hakim bicara telah memprejudis kedua-dua perayu dan sabitan atas mereka tidak selamat. Hakim bicara hanya menilai sama ada anggapan bawah s. 37(d) ADB dapat dibangkitkan setelah jagaan dan kawalan dibuktikan dan sama ada s. 37(da) terpakai. Tiada apa-apa penilaian, dapatan fakta atau keputusan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kedua-dua perayu mempunyai pengetahuan atau tidak terhadap apa-apa yang terkandung dalam P10. Dalam keadaan demikian, tanpa penggunaan anggapan bawah s. 37(d) ADB, pihak pendakwaan gagal membuktikan milikan dan, berikutan itu, pihak pendakwaan tidak boleh mengguna pakai s. 37(da) untuk membuktikan pengedaran. (perenggan 44, 45 & 47)

(2) Ekoran anggapan berganda yang diguna pakai, hakim bicara memutuskan kedua-dua perayu perlu menyangkal kes pendakwaan atas imbangan kebarangkalian. Ini satu salah arah serius kerana yang diperlukan, tanpa penggunaan anggapan, perayu hanya perlu

menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan dan, persoalan sama ada pembelaan kedua-dua perayu menimbulkan keraguan munasabah atas pertuduhan mengedar, tidak diberi perhatian oleh hakim bicara. Ini meletakkan beban yang lebih tinggi pada kedua-dua perayu dan menimbulkan prejudis serius terhadap mereka. (perenggan 49 & 50)

(3) Hakim bicara memutuskan Suresh dan Tan bukan saksi penting kerana kedua-dua mereka tiada di tempat perayu-perayu ditahan. Namun begitu, hakim bicara gagal mengambil kira susur galur pembelaan perayu-perayu dari awal bahawa Suresh ialah pengedar sebenar. Keterangan SP6 (i) mengesahkan Suresh dan Tan datang bersama-sama dengan perayu-perayu ke tempat kejadian dan Suresh berada di dalam kereta tersebut; dan (ii) bersetuju dengan cadangan pembelaan bahawa Tan adalah saksi penting yang boleh mengesahkan siapa yang memasukkan P10 ke dalam bonet kereta. Keterangan SP3 pula menunjukkan Suresh dan Tan ditangkap selepas kedua-dua perayu ditangkap tidak jauh dari situ. Oleh itu, Suresh dan Tan adalah saksi-saksi penting. Kegagalan pihak pendakwaan memanggil Suresh dan Tan sebagai saksi tidak sepatutnya dipandang remeh oleh hakim bicara. Kegagalan ini menjadikan sabitan perayu-perayu tidak selamat. (perenggan 53-55)

(4) Tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan mana-mana perayu yang memasukkan dadah ke dalam P10 atau bahawa mereka mempunyai pengetahuan bahawa P10 mempunyai dadah. Sebaliknya, yang jelas daripada keterangan saksi-saksi pendakwa ialah perayu-perayu hanya mempunyai kawalan sementara atas P10. Tiada keterangan lain yang mengaitkan pengetahuan kedua-dua perayu dengan kandungan di dalam P10. Tanpa keterangan Suresh atau Tan, kes pihak pendakwaan bukan sahaja mengalami kelompangan tetapi pembelaan kedua-dua perayu bahawa P10 adalah kepunyaan Suresh bukanlah sesuatu yang tidak munasabah. (perenggan 59)

English *Headnotes*

Acting upon information received that a certain drug trafficking activity would take place, a team of police officers rushed to the suspected location to carry out surveillance. The first appellant was seen alighting from a car while carrying a bag ('P10') and crossing the road to hand P10 to the second appellant. Following the exchange of P10, the police sprung into action and arrested the appellants. The police also arrested two others, Suresh and Tan, who were present not far from where the appellants were arrested. P10, which was seized, revealed two bags containing packets of white substances which were later confirmed to be 150.24g of heroin and monoacetylmorphines. The appellants were charged at the High Court under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') read together with s. 34 of the Penal Code. At the conclusion of the prosecution's case, the trial judge (i) found

A that the appellants had control and possession over P10; (ii) applied the presumption under s. 37(d) of the DDA in holding the appellants to be in possession of drugs; and (iii) as the seized drugs were over 15g, invoked the presumption under s. 37(da) of the DDA in holding that the appellants were trafficking drugs and in ordering the appellants to enter defence. In their B defence, the appellants submitted that (i) Suresh had asked the first appellant to go to the crime scene to meet up with the second appellant; and (ii) upon his arrival, the first appellant alighted from the car, opened the car boot, took P10 and crossed the road and handed the same to the second appellant. At the end of the defence's case, the trial judge held that the appellants' defences C were an afterthought and a mere denial and failed to rebut the presumption of possession under s. 37(d) of the DDA and the presumption of trafficking under s. 37(da) of the DDA. The appellants were both sentenced to death. Hence, the present appeal. In support of their appeal, the appellants submitted that (i) the conviction and sentence against them were not safe as the application of double presumption under s. 37A of the DDA was illegal D and *ultra vires* the Federal Constitution ('FC'); (ii) the trial judge erred in finding Suresh and Tan to be immaterial witnesses without giving due consideration that they were both in the same car as the appellants. This failure invoked a presumption under s. 114(g) of the Evidence Act 1950; and (iii) the trial judge erred in failing to appreciate that the second appellant's E acts had rebutted the presumption of knowledge and failed to appreciate that the first appellant was a momentary carrier and had received a request from Suresh to hand P10 to the second appellant.

Held (allowing appeal; setting aside conviction and sentence against the appellants)

F **Per Mohamad Zabidin Diah JCA delivering the judgment of the court:**

(1) The trial judge erred in invoking a presumption over a presumption in holding that the prosecution had established a *prima facie* case, in finding that the appellants were guilty and in convicting the appellants with the G charge of trafficking. The Federal Court, in the case of *Alma Nudo Atenza v. PP*, had held that the application of double presumption, as permitted under s. 37A of the DDA, was illegal under the law and *ultra vires* the FC. Even though this error did not automatically entitle the appellants to an acquittal, the misdirection by the trial judge had prejudiced the appellants and the conviction against them was not safe. The trial judge H had only considered whether the presumption under s. 37(d) of the DDA could be invoked after the custody and control had been proven and whether s. 37(da) applied. There were no assessment, finding of facts or decision on whether the prosecution had proven that both the appellants had or had no knowledge on the contents of P10. In such situation, I without the application of double presumption under s. 37(d) of the DDA, the prosecution failed to prove possession and, following that, the prosecution could not invoke s. 37(da) to prove trafficking.

(2) Pursuant to the application of double presumption, the trial judge held that the appellants had to rebut the prosecution's case on the balance of probabilities. This was a serious misdirection as what was required was that, without the application of presumption, the appellant only had to cast reasonable doubt on the prosecution's case and, the question of whether the appellants' defences raised reasonable doubt on the charge of trafficking, was not given any consideration by the trial judge. This placed a higher burden on the appellants and caused serious prejudice against them.

(3) The trial judge held that Suresh and Tan were immaterial witnesses as they were not present at the scene where the appellants were arrested. However, the trial judge failed to take into account the narrative of the appellants' defence from the very beginning that Suresh was the actual trafficker. SP6's evidence (i) confirmed that Suresh and Tan came together with the appellants to the crime scene and Suresh was in the car; and (ii) agreed to the defence's suggestion that Tan was a material witness who could confirm the person who placed P10 in the car boot. SP3's evidence, on the other hand, showed that Suresh and Tan were arrested not far from the location. Therefore, Suresh and Tan were material witnesses. The prosecution's failure to call Suresh and Tan as witnesses ought not to be taken lightly by the trial judge. Such failure rendered the conviction of the appellants to be unsafe.

(4) There was no evidence that showed any of the appellants had put the drugs in P10 or that they had knowledge on P10 containing drugs. On the contrary, what was clear from the prosecution's witnesses was that the appellants only had momentary control over P10. There was also no other evidence linking the appellants' knowledge to the contents of P10. Without the evidence from Suresh or Tan, the prosecution's case did not only suffer from flaws but the appellants' defence that P10 belonged to Suresh was not one that was unreasonable.

Kes-kes yang dirujuk:
Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal [2019] 5 CLJ 780 FC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Nagappan Kuppusamy v. PP [1988] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229 SC ***(dirujuk)***
Nurhasan Jukasan v. PP & Another Appeal [2010] 6 CLJ 542 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da), 37A, 39B(1)(a), First Schedule
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, s. 34

(Rayuan Jenayah No: C-05(M)-535-11-2017)
Bagi pihak perayu - Afifuddin Ahmad Hafifi; T/n Salehuddin Saidin & Assoc
Bagi pihak responden - Nik Syahril Nik Ab Rahman; TPR

(Rayuan Jenayah No: C-05(M)-536-11-2017)
Bagi pihak perayu - Rajpal Singh & Y Sheelan Samuagam; T/n Rajpal, Firah & Vishnu
Bagi pihak responden - Nik Syahril Nik Ab Rahman; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Tan Kok Leong & Satu Lagi [2018] 1 LNS 216 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Mohamad Zabidin Diah HMR:

[1] Perayu dalam Rayuan No: C-05(M)-535-11-2017 telah dituduh bersama dengan perayu dalam kes Rayuan No: C-05-(M)-536-11-2017 di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta") dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan kerana mengedar 150.24 gram heroin dan monoacetylmorphines. Pertuduhan terhadap kedua-dua perayu berbunyi:

> Bahawa kamu bersama-sama, pada 8 Oktober 2015, jam lebih kurang 8.15 malam, bertempat di hadapan bangunan Kedai Singer, Jalan Bandar, dalam Daerah Maran, dalam Negeri Pahang Darul Makmur telah di dapati mengedar dadah berbahaya berat bersih 150.24 gram heroin dan monoacetylmorphines, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Di akhir perbicaraan, kedua-dua perayu telah didapati bersalah oleh hakim bicara. Kedua-dua perayu telah disabitkan dengan pertuduhan dan dijatuhkan hukuman gantung hingga mati. Terkilan dengan sabitan dan hukuman, kedua-dua perayu telah memfailkan rayuan secara berasingan.

[3] Pada 12 Ogos 2019, kami mendengar kedua-dua rayuan secara bersama dan di akhir perbicaraan, kami telah secara sebulat suara membenarkan rayuan kedua-dua perayu. Kedua-dua perayu diperintahkan untuk dibebaskan dan dilepaskan dari pertuduhan. Berikut adalah alasan kenapa rayuan mereka dibenarkan.

[4] Bagi memudahkan rujukan, dalam rayuan ini, Tan Kok Leong akan dirujuk sebagai perayu pertama dan Krishna Moorthy akan dirujuk sebagai perayu kedua.

Kes Pendakwaan

[5] Fakta kes pendakwaan telah dihuraikan oleh hakim bicara bijaksana dalam alasan penghakiman beliau. Bagi tujuan rayuan ini, ia boleh diringkaskan seperti berikut.

[6] Pada 8 Oktober 2015 jam 6 petang, DSP Sarudin bin Mansor (SP3) telah memberi taklimat kepada tiga pegawai polis termasuk ASP Rosli bin Ibrahim (SP5) dan 16 anggota polis dari JSJN, IPK Pahang dan BSJND, IPD Maran di Kompleks Rakan Muda Maran Pahang berkaitan maklumat yang

diperolehi daripada orang awam berhubung pengedaran dadah di kawasan Bandar Maran melibatkan kereta jenis Hyundai berwarna hitam nombor pendaftaran WWD 2398.

[7] Dalam taklimat tersebut, SP3 telah membahagikan pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis kepada enam kumpulan di mana kumpulan 1 diketuai oleh SP3 sendiri, kumpulan 2 diketuai oleh Inspektor Izwan Hafees, kumpulan 3 diketuai oleh SP5, kumpulan 4 diketuai oleh Inspektor Mohd Halid, kumpulan 5 diketuai oleh Sarjan Azmi dan kumpulan 6 diketuai oleh Sarjan Fauzi. Setiap kumpulan ditugaskan membuat pemerhatian di beberapa kawasan di Jalan Bandar Daerah Maran dan mereka berhubung menggunakan walkie-talkie.

[8] Pasukan ini telah keluar ke lokasi masing-masing untuk membuat pemerhatian pada tarikh yang sama jam lebih kurang 7.30 malam. SP3 dan ahli kumpulannya mengambil tempat di hadapan Pejabat Zakat Bandar Maran.

[9] Pada jam lebih kurang 8.15 malam, SP3 dimaklumkan melalui walkie-talkie terdapat kereta Hyundai berwarna hitam nombor pendaftaran WWD 2398 telah masuk ke Bandar Maran.

[10] Kereta tersebut berhenti di hadapan kedai Singer, di Jalan Bandar, Maran. SP3 mendapati satu lelaki Cina, yang dicamkan sebagai perayu pertama, keluar dari bahagian pemandu dengan membimbit satu beg [P10], berjalan ke seberang jalan. Ada satu lelaki India, yang telah dicamkan sebagai perayu kedua, muncul di situ.

[11] SP3 nampak perayu pertama menyerahkan beg kepada perayu kedua. SP3 yang masih berada di dalam kereta pada masa itu telah mengarahkan dua anggota bersamanya untuk keluar menghampiri perayu pertama dan perayu kedua. Apabila SP3 nampak berlaku pertukaran beg di antara kedua-dua perayu, SP3 mengarahkan kedua-dua anggotanya untuk membuat tangkapan.

[12] Selepas itu, SP3 keluar dari kereta, menjerit "Polis" dan berlari ke arah kedua-dua perayu. Perayu pertama dan perayu kedua nampak terkejut, kelam kabut dan cuba melarikan diri. Perayu pertama berjaya ditangkap di situ oleh L/Kpl Khairul Nizam, manakala perayu kedua melarikan diri bersama-sama dengan beg ke arah bangunan Bank Simpanan Nasional.

[13] SP3 mengejar dari belakang dan nampak perayu kedua telah terjatuh di hadapan kedai Pinjaman Wang Titan Trading dan telah ditangkap oleh SP5. SP3 juga melihat SP5 memegang satu beg berzip bercorak hitam dan putih [P10].

[14] SP5 telah menyerahkan beg itu kepada SP3. SP3 membuka dan memeriksa beg itu dan mendapati di dalam beg tersebut ada dua beg plastik berwarna kuning berjalur hitam [P11] dan [P12] yang mana setiap satu beg plastik mengandungi lima bungkusan surat khabar, [P11A - P11E] dan [P12A

A - P12E]. Setiap satu bungkusan surat khabar itu diikat dengan satu getah gelang yang mana di dalam bungkusan surat khabar itu terdapat satu paket plastik lut sinar yang berisi serbuk dan ketulan keputihan disyaki dadah jenis heroin, P11A(1) - P11E(1) dan P12A(1) - P12E(1).

B **[15]** Kedua-dua perayu ada bersama SP3 semasa pemeriksaan. SP3 juga ada buat pemeriksaan badan, namun tidak menjumpai apa-apa barang salah. Selepas itu kedua-dua perayu telah dibawa balik bersama-sama barang kes ke Pejabat Narkotik IPD Maran.

[16] Turut dirampas sebuah kereta Hyundai WWD 2398 namun hasil dari C pemeriksaan mendapati tiada barang salah dijumpai di dalam kereta tersebut.

[17] Ahli kimia, Puan Suraini binti Mat Yassin [SP2] mengesahkan beliau telah menganalisis dadah-dadah tersebut dan baki kandungannya terdapat dalam plastik-plastik yang dibekalkan oleh Jabatan Kimia Malaysia iaitu [P11F-P11J] dan [P12F-P12J]. SP2 mengatakan hasil analisisnya, barang kes D mengandungi dadah berbahaya dengan berat bersih 150.24g heroin dan monoacetylmorphines seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta dan disenaraikan dalam Jadual Pertama, Akta. Beliau telah menyediakan laporan kimia yang dikemukakan sebagai P8.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

E **[18]** Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara bijaksana menerima keterangan ahli kimia SP2 dan mendapati, barang kes yang dirampas adalah dadah jenis heroin dan monoacetylmorphines. Hakim bicara bijaksana juga mendapati kedua-dua perayu mempunyai kawalan dan jagaan atas beg P10. Berikutan dari penemuan itu, hakim bicara bijaksana mengguna pakai F anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi memutuskan kedua-dua perayu memiliki dadah yang dirampas. Memandangkan berat bersih heroin dan monoacetylmorphines yang dirampas melebihi 15g, hakim bicara bijaksana mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(da) Akta bagi mendapati kedua-dua perayu telah mengedar dadah tersebut dan memerintah kedua-dua perayu G membela diri atas pertuduhan yang ada.

Pembelaan Perayu Pertama

[19] Perayu pertama memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Keterangan perayu pertama adalah pada 8 Oktober 2015 beliau H menerima panggilan telefon dari perayu kedua untuk menolong menghantarnya ke Maran. Pada mulanya perayu pertama menolak kerana sibuk tetapi atas desakan perayu kedua, dia akhirnya bersetuju.

[20] Setelah mengambil anaknya di sekolah jam lebih kurang 4 petang, perayu pertama telah pergi ke Setapak dengan menaiki kereta No. WWD I 2398 untuk mengambil perayu kedua. Di Setapak, perayu kedua telah meminta perayu pertama menumpangkan anak saudaranya, Suresh ke Maran.

[21] Perayu pertama mengatakan dia melihat Suresh memegang sebuah beg. Suresh meminta perayu pertama membuka bonet belakang kereta dan kemudian meletakkan beg itu di dalam bonet.

[22] Dalam perjalanan, perayu kedua ada berbual dengan Suresh tetapi beliau tidak memahaminya kerana perbualan itu dalam bahasa Tamil. Apabila tiba di Maran, perayu kedua turun dahulu dan pergi ke kedai 7-Eleven. Pada masa yang sama perayu pertama nampak sebuah kedai gunting rambut dan membawa anaknya untuk bergunting rambut. Suresh juga ikut bersama.

[23] Ketika di kedai gunting rambut, Suresh menerima satu panggilan telefon. Selepas menjawabnya, Suresh meminta perayu pertama membawa kereta untuk pergi ke bank CIMB bertemu dengan perayu kedua dan menyerahkan beg. Perayu pertama mengatakan Suresh mengarahkan dia pergi kerana beliau tidak ada lesen memandu.

[24] Apabila sampai di jalan bertentangan dengan CIMB Bank, perayu pertama telah turun dari kereta, membuka bonet belakang, mengambil beg, melintas jalan dan menyerahkannya kepada perayu kedua yang ketika itu berada di seberang jalan.

[25] Selepas perayu pertama menyerahkan beg kepada perayu kedua, pihak polis telah menyerbu mereka dan perayu pertama telah ditangkap. Perayu pertama mengatakan dia tidak cuba melarikan diri dan tidak menghalang penangkapan.

[26] Perayu pertama mengatakan beliau kenal perayu kedua lebih kurang tiga tahun tetapi tidak mengenali Suresh sebelum itu namun pernah tengok dia beberapa kali. Perayu pertama menafikan dia ada pengetahuan berkaitan dengan dadah-dadah tersebut.

Pembelaan Perayu Kedua

[27] Perayu kedua juga memilih memberi keterangan bersumpah. Dalam keterangannya, perayu kedua menyatakan dia meminta bantuan perayu pertama untuk menghantarnya ke Maran kerana keretanya rosak. Perayu kedua juga menyatakan Suresh menelefonnya dan menyuruhnya menghantar barang ke Maran.

[28] Perayu pertama mengambil perayu kedua di Setapak lebih kurang pukul 4 petang dan 15 minit selepas itu, Suresh pula datang dengan membawa satu beg dan meletakkannya ke dalam bonet belakang kereta.

[29] Apabila tiba di Maran lebih kurang 7.00 malam, perayu kedua turun terlebih dahulu di kedai 7-Eleven untuk membeli barang makanan dan perayu pertama pula hendak membawa anaknya bergunting rambut.

[30] Di kedai 7-Eleven, perayu kedua ada menerima panggilan telefon dari Suresh menyuruh perayu kedua tunggu kerana ada empat orang lelaki Melayu akan datang untuk menyerahkan barang dan akan diberikan upah.

[31] Selepas itu ada empat orang lelaki Melayu telah datang berjumpa dengannya. Mereka menyuruh perayu kedua membawa beg tersebut dan akan membayar tambang pengangkutan.

[32] Perayu kedua telah menelefon Suresh untuk membawa beg ke tempat perayu kedua berada.

[33] Selepas itu mereka telah diserbu oleh beberapa orang lelaki dan perayu kedua terjatuh. Perayu kedua telah disepak menyebabkan beliau luka di kepala, pitam dan tidak pasti apa yang berlaku. Apabila perayu kedua sedar, dia telah digari dan dimasukkan ke dalam Hilux. Orang yang menyerbu perayu kedua bukanlah mereka yang sama yang perayu kedua jumpa di kedai 7-Eleven. Perayu kedua juga menafikan beliau mengetahui beg itu mengandungi dadah.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[34] Setelah mendengar pembelaan kedua-dua perayu, hakim bicara bijaksana memutuskan keterangan kedua-dua perayu merupakan keterangan fikir kemudian dan penafian semata-mata yang telah gagal mematahkan anggapan pemilikan di bawah s. 37(d) Akta dan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta.[1]

Rayuan

[35] Perayu pertama menyenaraikan 14 alasan dan perayu kedua menyenaraikan 18 alasan dalam petisyen rayuan mereka. Kebanyakan alasan yang disenaraikan oleh perayu pertama adalah sama maksudnya dengan alasan yang disenaraikan oleh perayu kedua. Semasa perbicaraan, perayu pertama berhujah atas dua isu utama iaitu:

(i) Penggunaan anggapan berganda; dan

(ii) Kegagalan hakim bicara bijaksana membangkitkan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kes pendakwaan atas kegagalan memanggil Suresh dan Tan Kian Yew sebagai saksi.

[36] Perayu kedua pula selain daripada membangkitkan dua isu di atas, dia turut membangkitkan satu isu lain iaitu hakim bicara bijaksana tersilap apabila gagal menilai tingkah laku perayu kedua yang telah mematahkan anggapan pengetahuan serta gagal menilai bahawa perayu pertama hanyalah merupakan "momentary carrier" apabila menerima permintaan Suresh untuk menyerah beg eks. P10 kepada perayu kedua.

[37] Berhubung isu pertama iaitu penggunaan anggapan berganda, menjadi hujah kedua-dua perayu bahawa berdasarkan kes *Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal* [2019] 5 CLJ 780; [2019] 3 MLRA 1, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan penggunaan anggapan berganda seperti dibenarkan di bawah s. 37A Akta adalah salah di sisi undang-undang dan

ultra vires Perlembagaan Persekutuan. Dengan mengguna pakai anggapan s. 37(d) untuk membangkitkan anggapan di bawah s. 37(da) adalah *ultra virus* Perlembagaan dan secara langsung sabitan dan hukuman terhadap perayu tidak selamat.

[38] Timbalan Pendakwa Raya pula dalam menjawab isu penggunaan "anggapan berganda" ini, telah merujuk kepada kes *Nurhasan Jukasan v. PP & Another Appeal* [2010] 6 CLJ 542 dan berhujah bahawa pemakaian anggapan berganda tidak secara automatik membolehkan perayu dilepaskan. Apa yang penting adalah sama ada keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan mencukupi untuk mensabitkan perayu dan dalam kes ini terdapat keterangan yang "overwhelming" untuk mensabitkan kedua-dua perayu.

[39] Berhubung isu kedua, menjadi hujah kedua-dua perayu bahawa hakim bicara bijaksana tersilap apabila mendapati Suresh dan Tan Kian Yew adalah saksi yang tidak penting tanpa memberi pertimbangan bahawa keterangan SP6 mengesahkan Suresh dan Tan Kian Yew datang menaiki satu kereta bersama kedua-dua perayu. Malah SP6 sendiri mengesahkan Suresh berada bersama di dalam kereta bersama perayu pertama dan perayu kedua semasa mereka di Maran. Kegagalan hakim bicara bijaksana menimbulkan anggapan bawah s. 114(g) Akta Keterangan atas kegagalan pihak pendakwa memanggil Suresh dan Tan Kian Yew, mengikut hujahan kedua-dua perayu, adalah satu salah arah.

[40] Timbalan Pendakwa Raya, dalam menjawab isu ini, berhujah bahawa hakim bicara bijaksana adalah betul apabila tidak membangkitkan anggapan s. 114(g) kerana Suresh dan Tan Kian Yew bukanlah saksi material. Ini adalah kerana yang ditangkap di tempat kejadian bersama dadah adalah perayu pertama dan perayu kedua. Pada masa itu Suresh dan Tan Kian Yew berada di kedai. Kedua-dua mereka telah ditawarkan kepada pembelaan tetapi mereka tidak hadir masa bicara.

[41] Berhubung isu ketiga, hujahan perayu kedua adalah hakim bicara bijaksana tersilap apabila gagal menilai bahawa "conduct" perayu kedua telah mematahkan anggapan pengetahuan dan gagal menilai bahawa perayu pertama hanyalah seorang "momentary carrier" dan telah menerima permintaan Suresh untuk menyerahkan beg P10 tersebut kepada perayu kedua.

Penilaian Dan Keputusan Mahkamah

[42] Dalam penghakiman yang ditulis oleh hakim bicara bijaksana, di peringkat kedua-dua perayu diperintah membela diri, dinyatakan seperti berikut:

> [59] Setelah mempertimbangkan keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan, Mahkamah berpuas hati untuk elemen (b), pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kawalan dan jagaan oleh OKT1 dan OKT2 terhadap dadah-dadah tersebut. Oleh itu anggapan di bawah

A Seksyen 37(d) ADB adalah terpakai iaitu OKT1 dan OKT2 dianggap mempunyai pemilikan dan pengetahuan terhadap dadah yang dirampas itu, sehingga dibuktikan sebaliknya.

[60] Selanjutnya berkait dengan elemen pengedaran, Mahkamah juga memutuskan oleh kerana kuantiti dadah yang dijumpai adalah dalam satu
B jumlah yang besar iaitu 150.24 gram heroin dan monoacetylmorphines, maka anggapan di bawah Seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 berbangkit atau terpakai terhadap kedua-dua OKT kecuali dibuktikan sebaliknya ...[2]

[43] Seterusnya dalam mendapati kedua-dua perayu bersalah dan
C mensabitkan kedua-dua perayu dengan pertuduhan, hakim bicara bijaksana membuat penemuan berikut:

[78] ... kedua-dua OKT berhak dibebaskan jika mereka berjaya menyangkal anggapan di bawah Seksyen 37(d) dan Seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 di atas imbangan kebarangkalian dan berjaya
D menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes kes pihak pendakwaan.[3]

.....

[99] ... keterangan kedua-dua OKT yang merupakan keterangan yang 'afterthought' dan penafian semata-mata telah gagal untuk mematahkan
E anggapan pemilikan di bawah Seksyen 37(d) ADB dan pengedaran di bawah Seksyen 37(da) ADB di atas imbangan kebarangkalian.

[44] Meneliti alasan penghakiman oleh hakim bicara bijaksana, jelas kepada kami bahawa, hakim bicara bijaksana tersilap apabila mengguna anggapan atas anggapan dalam memutuskan pendakwaan telah membuktikan
F kes *prima facie* dan juga apabila mendapati kedua-dua perayu bersalah dan mensabitkan kedua-duanya dengan pertuduhan mengedar. Kami memutuskan sedemikian berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal* [2019] 5 CLJ 780; [2019] 3 MLRA 1 yang memutuskan pemakaian anggapan berganda seperti
G dibenarkan di bawah s. 37A Akta adalah salah di sisi undang-undang dan *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan.

[45] Walaupun begitu, kami bersetuju dengan Timbalan Pendakwa Raya yang telah berhujah bahawa fakta bahawa hakim bicara bijaksana telah mengguna anggapan atas anggapan dalam memerintah kedua-dua perayu
H membela diri dan seterusnya mendapati kedua-dua perayu bersalah, tidak seharusnya secara automatik melayakkan kedua-dua perayu dilepaskan dari pertuduhan. Kesilapan tersebut sekadar mewajarkan campur tangan di peringkat rayuan. Mahkamah ini, perlu meneliti segala keterangan bagi menentukan sama ada ia selamat untuk mahkamah ini mengekalkan sabitan
I yang telah dibuat. Mahkamah ini dalam kes *Nurhasan Jukasan v. PP & Another Appeal* [2010] 6 CLJ 542 ada memutuskan:

Held: (1) The trial judge had offended the double presumption rule. There was no direct finding of possession, yet the presumption of trafficking was invoked. An appeal should not succeed on misdirection alone. There is no miscarriage or failure of justice when there is sufficient evidence to warrant the conviction. The trial judge's misdirection had not occasioned any injustice. There was direct evidence of trafficking here. The packing of prescribed drugs, is clearly an act of trafficking envisaged by s. 2 of the Dangerous Drugs Act 1952. As there was direct evidence of trafficking, the presumption trafficking was unnecessarily invoked.

[46] Berbalik kepada kes ini, persoalan sekarang, tanpa mengguna anggapan atas anggapan seperti dibuat oleh hakim bicara bijaksana, adakah terdapat dapatan fakta yang mencukupi oleh hakim bicara bijaksana untuk memanggil kedua-dua perayu membela diri dan seterusnya mensabitkan kedua-dua perayu. Juga perlu dipertimbangkan sama ada kesilapan di pihak hakim bicara bijaksana telah prejudis kedua-dua perayu atau tidak.

[47] Setelah alasan dan rekod rayuan diteliti, kami mendapati tiada dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara bijaksana atau keterangan yang boleh meyakinkan kami bahawa sabitan terhadap kedua-dua perayu adalah selamat. Oleh itu, salah arah oleh hakim bicara bijaksana dalam kes ini telah menyebabkan prejudis terhadap kedua-dua perayu dan sabitan ke atas kedua-dua perayu adalah tidak selamat. Kami memutuskan sedemikian kerana dalam kes ini, hakim bicara bijaksana hanya menilai sama ada anggapan di bawah s. 37(d) dapat dibangkitkan setelah jagaan dan kawalan dibuktikan dan sama ada s. 37(da) terpakai. Tiada sebarang penilaian atau dapatan fakta atau keputusan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kedua-dua perayu mempunyai pengetahuan atau tidak terhadap apa yang terkandung dalam beg P10. Dalam keadaan sedemikian, tanpa penggunaan anggapan bawah s. 37(d), pihak pendakwa gagal membuktikan milikan dan berikutan dari itu pihak pendakwa tidak boleh mengguna s. 37(da) untuk membuktikan pengedaran.

[48] Dalam menentukan sama ada kesilapan hakim bicara bijaksana mengguna anggapan atas anggapan mewajarkan pembebasan perayu, perlu juga dilihat sama ada kesilapan tersebut memprejudiskan perayu.

[49] Dalam kes ini, berikutan dari penggunaan anggapan berganda, hakim bicara bijaksana telah memutuskan bahawa kedua-dua perayu perlu menyangkal kes pendakwaan di atas imbangan kebarangkalian. Ini merupakan salah arah yang serius kerana apa yang diperlukan, tanpa penggunaan anggapan, perayu hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan dan persoalan sama ada pembelaan kedua-dua perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah atas pertuduhan mengedar telah tidak diberi perhatian oleh hakim bicara bijaksana. Ini menimbulkan prejudis yang serius terhadap kedua-dua perayu. Mahkamah Agung dalam kes *Nagappan Kuppusamy v. PP* [1988] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229 ada berkata:

A

> In a criminal proceeding the onus on the prosecution throughout is to prove beyond reasonable doubt. From the beginning to the end the burden remains on the prosecution to prove the guilt of the accused. At the close of the whole case the Court has to consider all the evidence adduced by both the prosecution and the defence and has to be satisfied that the case has been proved beyond reasonable doubt.

B

> ...
>
> Where the burden is shifted to the defence by a statutory presumption the test in *R. v. Carr-Briant* [1943] KB 607 and adopted in *PP v. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 would be applied as applied in civil proceedings namely on the balance of prbabilities.

C

[50] Dalam keadaan di mana anggapan mengedar di bawah s. 37(da) Akta tidak boleh diguna pakai, tindakan hakim bicara bijaksana meletakkan beban yang lebih tinggi iaitu kedua-dua perayu perlu mematahkan kes pendakwaan atas imbangan kebarangkalian, telah menimbulkan prejudis yang serius kepada kedua-dua perayu. Ini pada pandangan kami menjadikan sabitan terhadap kedua-dua perayu tidak selamat.

D

[51] Berhubung kegagalan hakim bicara bijaksana menimbulkan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kes pendakwaan, undang-undang berhubung pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah jelas. Telah dinyatakan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 seperti berikut:

E

> (1) It is essential to appreciate the scope of section 114(g) of the Evidence Act, 1950 lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under the illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but a material document by a party in his possession, not for nonproduction of just any witness but only an important and material witness to the case.

F

G

[52] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami, dalam memutuskan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak berbangkit, hakim bicara bijaksana menulis dalam alasan beliau:

> [53] ... Mahkamah memutuskan s. 114(g) ini tidak berbangkit kerana jelas dari keterangan SP3 dan SP6 yang Suresh dan Tan Kian Yew ini tidak ditangkap bersama-sama OKT1 dan OKT2 di tempat serbuan. Pihak polis menjumpai anak OKT1 bersama Suresh di kedai makan Rafi Curry House. Laporan polis oleh SP3 juga adalah berasingan iaitu PI3, laporan polis untuk tangkapan ke atas OKT1 dan OKT2 manakala PI4, laporan tangkap terhadap Suresh dan Tan Kian Yew.

H

> [54] SP6 dan SP3 juga mengesahkan Suresh bukanlah pemberi maklumat dan oleh kerana Suresh dan Tan Kian Yew tidak ditangkap pada masa yang sama dengan OKT1 dan OKT2 semasa serbuan dan tangkapan dan tidak berada di tempat kejadian, pada pendapat Mahkamah mereka bukanlah saksi yang penting bagi pihak pendakwaan.[4]

I

[53] Jelas di sini, hakim bicara bijaksana memutuskan Suresh dan Tan Kian Yew bukan saksi penting kerana kedua mereka tiada di tempat kedua-dua perayu ditahan tetapi hakim bicara bijaksana gagal mengambil kira bahawa susur galur pembelaan kedua-dua perayu dari awal adalah Suresh merupakan pengedar sebenar. Suresh ada menaiki kereta bersama perayu pertama dan perayu kedua dari Setapak, Kuala Lumpur ke Maran. Suresh yang meletakkan beg P10 di dalam bonet belakang kereta. Beg P10 adalah kepunyaan Suresh dan atas permintaan Suresh beg tersebut hendaklah dihantar kepada kawan Suresh di Maran. Pada sangkaan perayu, beg P10 mengandungi wang tunai.

[54] Keterangan daripada SP6 sendiri mengesahkan Suresh dan Tan Kian Yew telah datang bersama dengan perayu pertama dan perayu kedua ke tempat kejadian. SP6 juga mengesahkan Suresh berada di dalam kereta bersama perayu pertama dan perayu kedua semasa di Maran. SP6 bersetuju bahawa dengan cadangan pembelaan bahawa Tan Kian Yew adalah saksi penting yang boleh mengesahkan siapa yang telah memasukkan beg P10 ke dalam bonet belakang kereta. Keterangan SP3 pula menunjukkan selepas kedua-dua perayu ditangkap, Suresh dan Tan Kian Yew juga ditangkap dalam jarak hanya selang empat buah kedai dari tempat kedua-dua perayu ditangkap. Dalam keadaan sebegini, kami bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar bahawa Suresh dan Tan Kian Yew adalah saksi penting.

[55] Walaupun pihak pendakwa mempunyai budi bicara bagi menentukan siapa saksi yang ingin dipanggil, budi bicara tersebut mesti diguna dengan mengambil kira kepentingan keadilan. Ini termasuklah bertindak adil terhadap tertuduh dan memanggil semua saksi penting untuk mengetengahkan naratif kes pendakwa. Adalah menjadi tugas pihak pendakwaan untuk membuktikan kes dan untuk menutup kelompangan yang wujud di dalam kes pihak pendakwaan. Bukanlah tugas pihak pembelaan untuk melengkapkan kes pihak pendakwaan. Oleh itu, apabila cabaran telah diletakkan bahawa beg tersebut adalah kepunyaan Suresh dan Suresh yang telah meminta bantuan perayu kedua untuk menyerahkan beg tersebut di Maran, Suresh yang juga telah ditangkap perlu dipanggil untuk menjelaskan perkara ini. Kegagalan pihak pendakwa memanggil Suresh dan Tan Kian Yew ini sebagai saksi tidak sepatutnya dipandang remeh oleh hakim bicara bijaksana dengan menyatakan mereka bukan saksi penting kerana tidak ditangkap bersama perayu di tempat kejadian sedangkan keterangan mencadangkan mereka ini adalah saksi penting untuk menutup kelompangan dalam kes pendakwaan. Dalam keadaan sedemikian, kami dapati kegagalan pihak pendakwa memanggil Suresh dan Tan Kian Yew dalam kes ini telah menyebabkan prejudis yang serius terhadap kedua-dua perayu dan menjadikan sabitan ke atas kedua-dua perayu tidak selamat.

[56] Isu ketiga dan terakhir ialah berhubung kegagalan hakim bicara bijaksana menilai tingkah laku perayu yang telah mematahkan anggapan pengetahuan serta gagal menilai bahawa perayu hanyalah merupakan "momentary carrier" apabila menerima permintaan Suresh untuk menyerah beg eks. P20 kepada perayu kedua. Berhubung isu ini, antara hujah peguam bela terpelajar adalah, hakim bicara bijaksana gagal menimbang sama ada tingkah laku kedua-dua perayu telah berjaya mematahkan anggapan berhubung pengetahuan kedua-dua perayu tentang kandungan beg P10.

[57] Berhubung soal pengetahuan, di peringkat kes pendakwaan hakim bicara bijaksana memutuskan:

> [47] Keterangan bahawa OKT1 membawa beg yang berisi dadah keluar daripada kereta berkenaan dan menyerahkan kepada OKT2 membuktikan kedua-dua mereka mengetahui isi kandungan beg tersebut. Elemen pengetahuan ini diperkuatkan melalui tindakan dan perlakuan OKT1 dan OKT2 yang terkejut dan berada dalam keadaan kelam kabut selepas SP3 menjerit "Polis" semasa OKT1 menyerahkan beg yang berisi dadah kepada OKT2 dan tindakan OKT2 yang telah melarikan diri sambil memegang beg tersebut apabila cuba ditangkap oleh SP3.

[58] Setelah mendengar pembelaan kedua-dua perayu, hakim bicara bijaksana memutuskan:

> [98] OKT-OKT mengakui yang mereka ada membawa beg itu dan hanya menafikan yang mereka ada pengetahuan berkenaan dadah dalam beg itu. Mereka juga cuba mengalihkan liabiliti dengan mengatakan beg itu dibawa oleh Suresh. Mahkamah berpendapat pembelaan kedua-dua OKT adalah tidak munasabah kerana jika tidak ada dadah-dadah berbahaya di dalam beg kenapa kedua-dua OKT terkejut, berada dalam keadaan kelam kabut dan kenapa OKT2 telah melarikan diri selepas beg itu diserahkan oleh OKT1 kepadanya. OKT-OKT juga tidak perlu terkejut atau kelam kabut kerana pada masa itu pihak polis masih belum memeriksa dan menjumpai apa-apa barang salah dalam beg tersebut. Konduk OKT-OKT ini jelas membuktikan mereka mengetahui mengenai kewujudan dadah-dadah itu di dalam beg tersebut. Di peringkat pembelaan tidak ada alasan munasabah yang diberikan oleh OKT-OKT kenapa mereka terkejut, berada dalam keadaan kelam kabut dan tidak ada penjelasan dari OKT2 kenapa dia telah melarikan diri untuk mengakas keterangan pihak pendakwaan di bawah s. 8 AK.

[59] Daripada penghakiman ini, diperhatikan bahawa hakim bicara bijaksana mendapati pembelaan kedua-dua perayu tidak munasabah kerana tiada jawapan kepada beberapa persoalan yang timbul seperti dinyatakan oleh hakim bicara bijaksana dalam alasan beliau. Malangnya kami dapati, dengan penuh hormat, hakim bicara bijaksana gagal mengambil kira perkara penting iaitu di dalam naratif keterangan saksi-saksi pendakwaan sendiri, kedua-dua perayu datang bersama seorang bernama Suresh. Tiada sebarang

keterangan yang menunjukkan mana-mana perayu yang memasukkan dadah dalam beg P10 atau wujud keterangan yang menyatakan mana-mana perayu mempunyai pengetahuan bahawa beg P10 mempunyai dadah. Apa yang jelas dari keterangan saksi-saksi pendakwa adalah perayu hanya mempunyai "momentary control" atas beg P10. Tiada keterangan lain yang dapat mengaitkan pengetahuan kedua-dua perayu terhadap kandungan di dalam beg P10. Tanpa keterangan Suresh atau Tan Kian Yew, bukan sahaja menyebabkan kelompangan dalam kes pendakwaan, ia juga menjadikan pembelaan kedua-dua perayu bahawa beg P10 adalah kepunyaan Suresh yang pada sangkaan kedua-dua perayu mengandungi wang dan atas permintaan Suresh beg tersebut hendak dihantar kepada kawan Suresh di Maran tidaklah sesuatu, pada pendapat kami, tidak munasabah.

Rumusan

[60] Sebagai rumusan, kami sebulat suara mendapati ketiga-tiga isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua perayu mempunyai merit. Dalam keadaan kes ini, kami dapati salah arah yang berlaku adalah serius dan telah memprejudiskan kedua-dua perayu. Kami dapati sabitan ke atas perayu pertama dan perayu kedua adalah tidak selamat. Oleh itu rayuan perayu pertama dan perayu kedua dibenarkan. Sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan atas perayu pertama dan perayu kedua diketepikan. Perayu pertama dan perayu kedua dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan.

Nota akhir:

1. Perenggan 99 alasan penghakiman di ms. 50 Jld 1 rekod rayuan
2. Muka surat 34 jld 1 rekod rayuan
3. Muka surat 42 jld 1 rekod rayuan
4. Muka surat 32-33 jld 1 rekod rayuan